

16 OCT 2001

AMCHAM-BELANJAWAN

AMCHAM: PELABUR BERHATI-HATI KERANA KELEMBAPAN GLOBAL

CYBERJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Pelabur-pelabur asing kini berhati-hati dan enggan melabur di negara-negara lain, termasuk Malaysia, disebabkan kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi global, presiden Dewan Perdagangan Amerika Malaysia (AMCHAM) Nicholas Zeffreys, berkata hari ini.

Mereka tidak mengekalkkan sebarang negara tertentu, katanya.

"Keengganan ini (pelabur), saya tidak fikir Malaysia boleh dipersalahkan. Saya fikir kelembapan global boleh dipersalahkan," beliau memberitahu pemberita semasa menjawab pertanyaan yang pelabur-pelabur asing seolah-olah enggan melabur di Malaysia.

Sebelum itu, Zeffreys dan anggota-anggota AMCHAM makan tengah hari dan mengadakan sesi dialog tertutup dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Zeffreys berkata pada permulaan tahun ini, pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) global dianggarkan sebanyak 2.8 peratus, tetapi ia diunjurkan kurang daripada satu peratus.

"Kelembapan (ekonomi) globallah yang menjejaskan pelaburan di seluruh dunia. Kita tidak melihat sebarang pemulihan segera," katanya.

Menyentuh mengenai pelaburan Amerika di Malaysia, beliau berkata: "Pelaburan AS di Malaysia sebenarnya tidak dihalang. Seperti anda telah lihat daripada angka-angka yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bilangan pelaburan adalah mengalakkan."

Bagaimanapun, katanya masih terdapat ketidak pastian yang besar terhadap masa depan pertumbuhan ekonomi global.

Zeffreys juga berkata paras pelaburan syarikat-syarikat Amerika di Malaysia sepanjang beberapa dekad lalu "adalah besar."

"Anda boleh bertaruh bahawa akan terdapat pelaburan semula berterusan apabila ekonomi global pulih (dan) pelaburan Amerika akan masih berada di sini," tambahnya.

Mengenai tanggapan para pelabur terhadap Malaysia, Zeffreys berkata: "Malaysia adalah negara Islam yang paling makmur dan demokratik di dunia dan ia diiktiraf kerana keharmonian kaum dan keamanan dan kemakmuran yang model Malaysia telah wujudkan.

"Saya tidak melihat bahawa mengubahnya dan model ini yang menarik pelaburan daripada seluruh dunia."

Mengenai keselamatan syarikat-syarikat Amerika di sini berikutan serangan pengganas pada 11 Sept di AS, Zeffreys berkata kebanyakan mereka mempunyai prosedur operasi standard dan mereka telah meningkatkan langkah-langkah keselamatan mereka baru-baru ini seperti mengehadkan bilangan orang memasuki bangunan mereka dan memeriksa kenderaan bermotor.

Zeffreys juga berkata di dalam dialog dengan Dr Mahathir, perdana menteri memberitahu mereka bahawa belanjawan 2002 akan bermatlamat merangsang ekonomi dan menarik pelaburan ke negara ini.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan berharap meletakkan lebih banyak wang di dalam tangan para pengguna bagi mempertingkatkan perbelanjaan yang penting dalam jangka panjang.

Zeffreys berkata, "Saya kira akan terdapat beberapa komponen di dalam belanjawan itu yang akan menangani aspek-aspek tersebut."

Ditanya mengenai jangkaan dewan itu bagi belanjawan itu, katanya AMCHAM berharap agar pemotongan cukai korporat daripada 28 peratus sekarang, iaitu peningkatan dalam elaun pelaburan dan juga elaun pelaburan semula.

Dewan itu juga berharap agar pengurangan cukai bagi bonus-bonus akan

ditambah daripada dua bulan sekarang dan agar kerajaan akan mebenarkan lebih banyak penyertaan asing di dalam sektor-sektor lain di samping pembuatan, katanya. -- BERNAMA

MK MR SHY OS